

Umno Sabah Sedia Hadapi Pilihan Raya Umum Ke-13
Bernama
Julai 31, 2011

TAWAU, 30 Julai (Bernama) -- Jentera pilihan raya Umno dan Barisan Nasional (BN) negeri Sabah sudah bersedia menghadapi Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-13 bila-bila masa, kata Ketua Perhubungan Umno Sabah Datuk Seri Musa Aman.

"Kesemua bahagian Umno di negeri ini telah bersedia," kata Musa yang juga Ketua Menteri Sabah kepada pemberita selepas mendengar taklimat tertutup jentera pilihan raya Umno oleh Ketua Umno Kalabakan Datuk Abdul Ghapur Salleh di Bilik Gerakan Umno Kalabakan, di sini hari Sabtu.

Sebelum itu, Musa yang juga Pengerusi BN negeri telah mendengar taklimat oleh Ketua Umno Tawau Datuk Tawfiq Abu Bakar Titingan di sebuah hotel dekat sini.

"Setelah diberi taklimat oleh kedua-dua ketua bahagian, saya amat berpuas hati tentang segala persiapan yang telah diatur di kedua-dua bahagian berkenaan," katanya lagi.

Menjawab satu soalan, Musa berkata seperti biasa calon BN khususnya Umno, akan ditentukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak. "Siapa sahaja yang dicalonkan oleh Presiden Umno yang juga Pengerusi BN, kita harus terima secara terbuka dan memberi sokongan kepada calon berkenaan," kata Musa.

Dalam pada itu, beliau menasihatkan semua pemimpin politik di negeri itu mengelakkan sebarang perselisihan faham demi memastikan kemenangan cemerlang BN pada pilihan raya akan datang.

"Segala perselisihan dan permasalahan yang ada harus diselesaikan seberapa segera untuk memastikan kemenangan," tegas beliau.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 2011 BERNAMA

Source: <http://bernama.com/bernama/v5/bm/newspolitic.php?id=605091>